

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

APRIL 1996

RAK 343/2 - KAJIAN PERUMAHAN

Masa: 2½ Jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan: **DUA** daripada **Bahagian A** dan **DUA** daripada **Bahagian B**.

**BAHAGIAN A** (Jawab **DUA** soalan sahaja)

1. Burgess dan Turner mempunyai perbezaan pendapat tentang makna perumahan. Nyata dan bincangkan perbezaan ini. Pada pendapat kamu apakah takrifan yang paling sesuai untuk istilah perumahan?

(100 markah)

2. Sejauhmanakah adat resam mempengaruhi bentuk sesebuah rumah? Berpandukan adat resam kamu sendiri, beri contoh bagaimana ia mempengaruhi bentuk rumah, dan tidak disebaliknya.

(100 markah)

3. Masalah perumahan untuk golongan berpendapatan rendah di Malaysia sekarang semakin meruncing. Sejauhmanakah dasar Kerajaan membantu di dalam menggalakkan masalah ini, dan perubahan dasar yang bagaimanakah yang perlu dibuat untuk membantu dalam menyelesaikan masalah ini?

(100 markah)

**BAHAGIAN B** (Jawab **DUA** soalan sahaja)

4. Kumpulan-kumpulan keluarga yang bertapak di bandar mempunyai beberapa keutamaan tentang perumahan.

Apakah keutamaan yang dimaksudkan dan terangkan secara ringkas kecenderungan kumpulan-kumpulan keluarga ini berhubung dengan Dua keutamaan tersebut sahaja.

(100 markah)

....2/-

5. (a) Apakah perumahan pasaran.  
(20 markah)
- (b) Nyatakan jenis-jenis pelan perlu mendapat kelulusan sebelum satu-satu pembangunan perumahan dapat dimulakan.  
(10 markah)
- (c) Terangkan secara ringkas gulungan profesional yang terlibat dalam kelulusan salah satu pelan tersebut di atas.  
(70 markah)
6. (a) Terangkan secara ringkas perkara-perkara di bawah ini dalam aspek perumahan:-  
(i) Kepadatan  
(ii) Kondominium  
(iii) Pelan-induk  
(iv) Jalan perkhidmatan  
(v) Pengagihan pendapatan  
(50 markah)
- (b) Dalam merangka rekabentuk satu tataatur jiran desa terangkan komponen-komponen yang perlu diambilkira.  
(50 markah)

-ooo00ooo-